



UUM CORPORATE COMMUNICATION UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PEMAKLUMAN KEPADA PENSYARAH BERKAITAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) SECARA *REMOTE LEARNING* DAN PENTAKSIRAN DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA BERIKUTAN PENULARAN WABAK COVID-19

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1. Seperti yang kita sedia maklum, aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP), dan pentaksiran di UUM telah terkesan akibat penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 dan lanjutan tempoh PKP sehingga 14 April 2020.
- 1.2. Berpandukan saranan dan garis panduan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), dengan mengambil kira kesediaan pensyarah, pelajar dan infrastruktur dan infostruktur sokongan, maka universiti telah memutuskan perkara-perkara berikut berkaitan PdP bagi meneruskan semula aktiviti tersebut:

2.0 MAKLUMAN PERUBAHAN KALENDAR AKADEMIK

2.1 PROGRAM SARJANA MUDA

- 2.2.1 Pengajian Semester Kedua Sesi 2019/2020 (A192) akan disambung semula pada 27 April 2020, di mana semua aktiviti PdP akan dijalankan secara *online learning* atau kaedah *remote learning* lain.
- 2.2.2 Sebarang bentuk pentaksiran sama ada peperiksaan pertengahan semester, tugasan, kuiz, pembentangan projek dan lain-lain termasuk peperiksaan akhir akan dilaksanakan secara dalam talian (*online*) atau mana-mana kaedah yang akan dimaklumkan kelak
- 2.2.3 Susulan pelaksanaan kaedah *remote learning*, tempoh pengajian akan dilanjutkan sehingga 15 Julai 2020. Pelanjutan ini bertujuan memberi masa yang mencukupi kepada para pensyarah untuk menyesuaikan kaedah pengajaran secara *remote learning* dan kaedah penilaian yang

bersesuaian dengan kemampuan pelajar. Selain itu, ia juga dapat memberi ruang kepada pelajar untuk mendapat capaian kepada bahan pengajaran serta melaksanakan tugas dalam keadaan mencabar ini.

2.2.4 Kalendar Akademik Semester Kedua 2019/2020 (A192) yang telah diubah suai adalah seperti berikut:

SEMESTER KEDUA SESI 2019/2020 (A192) BAGI PROGRAM SARJANA MUDA

AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH	NOTA
Tempoh Pengajaran	Ahad, 9 Februari 2020 – Selasa 17 Mac 2020	5.5 minggu	
Cuti Pertengahan Semester	Rabu, 18 Mac 2020 – Selasa, 31 Mac 2020	2 minggu	Israk dan Mikraj, 22 Mac 2020
Penangguhan Pengajian disebabkan oleh Covid-19	Rabu, 1 April 2020 – Ahad, 26 April 2020		Awal Ramadan, 24 April 2020
Tempoh Pengajaran	Isnin, 27 April 2020 – Rabu, 15 Julai 2020	12.5 minggu	Hari Pekerja, 01 Mei 2020 Hari Wesak, 07 Mei 2020 Aidil Fitri, 24-25 Mei 2020
Minggu Peperiksaan	Khamis, 16 Julai 2020 – Selasa, 28 Julai 2020	2 minggu	
Cuti Semester	Rabu, 29 Julai 2020 – Sabtu, 3 Oktober 2020	9.5 minggu	Awal Muharram, 20 Ogos 2020

2.2.5 Bagi kursus di mana pensyarah telah bersedia untuk menyediakan PdP secara berkesan kepada semua pelajar serta pelajar juga bersetuju dan bersedia maka pensyarah boleh meneruskan PdP lebih awal.

Walau bagaimanapun, untuk memastikan tiada pelajar terpinggir sepanjang tempoh kelonggaran ini diberi dan pensyarah benar-benar bersedia, berikut adalah syarat untuk pensyarah memulakan PdP lebih awal:

- i) Semua pelajar perlu boleh mendapat capaian kepada UUM Online Learning.
- ii) PdP semasa tempoh kelonggaran ini dilaksanakan menggunakan platform UUM *online learning* sahaja.

- iii) Pensyarah perlu mengemukakan Rancangan Pengajaran (*Scheme of Work*) yang telah disemak untuk disesuaikan dengan perubahan kalendar.
- iv) Mendapat kelulusan Timbalan Naib Cancellor (Akademik & Antarabangsa).

Permohonan perlu dibuat menggunakan borang seperti di Lampiran A.

2.2 PROGRAM PASCA SISWAZAH

- 2.2. Trimester Kedua Sesi 2019/2020 akan disambung semula pada 5 April 2020.
- 2.3. Semua aktiviti PdP akan dijalankan secara *online learning* atau kaedah *remote learning* lain.
- 2.4. Sesi Mempertahankan Tesis/Disertasi dan sesi Viva untuk program sarjana secara *mixed mode* dan penyelidikan serta program peringkat kedoktoran akan dijalankan secara dalam talian menggunakan platform Webex.
- 2.5. Kalendar Akademik Trimester Kedua Sesi 2019/2020 yang diubah suai adalah seperti berikut:

TRIMESTER KEDUA SESI 2019/2020 (A192) BAGI PROGRAM PASCA SISWAZAH

AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH	NOTA
Tempoh Pengajaran	Jumaat, 10 Januari 2020 - Selasa, 17 Mac 2020	9.5 minggu	Tahun Baru China, 25 & 26 Januari 2020 Thaipusam, 8 Februari 2020
Penangguhan Pengajian disebabkan oleh Covid-19	Rabu, 18 Mac 2020 - Sabtu, 4 April 2020	18 hari	Israk dan Mikraj, 22 Mac 2020
Tempoh Pengajaran dan Pentaksiran	Ahad, 05 April 2020 - Ahad, 26 April 2020	3.5 minggu	Awal Ramadhan, 24 April 2020
Tempoh Peperiksaan Akhir (Bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir)	Jumaat, 17 April 2020 - Ahad, 26 April 2020	10 hari	
Cuti Semester	Isnin, 27 April 2020 - Khamis, 14 Mei 2020	2.5 minggu	Hari Pekerja, 01 Mei 2020 Hari Wesak, 07 Mei 2020

2.3 PROGRAM ASASI PENGURUSAN

- 2.3.1 Tarikh permulaan Semester Ketiga Sesi Akademik 2019/2020 ditetapkan pada 5 April 2020.
- 2.3.2 Semua aktiviti PdP serta pentaksiran akan dijalankan secara *online learning* atau kaedah *remote learning* lain.
- 2.3.3 Pentaksiran untuk semua kursus pada semester ini adalah secara 100% kerja kursus.
- 2.3.4 Kalendar Semester Ketiga Sesi Akademik 2019/2020 adalah seperti berikut:

SEMESTER TIGA SESI 2019/2020 (193) BAGI PROGRAM ASASI PENGURUSAN

AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH	CATATAN
Tempoh Pengajaran	Ahad, 05 April 2020 - Sabtu, 23 Mei 2020	7 minggu	Awal Ramadhan - 24 April 2020 Hari Pekerja - 01 Mei 2020 Hari Wesak - 07 Mei 2020

3.0 GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MOD *REMOTE LEARNING*

Untuk membolehkan PdP program akademik UUM dapat berjalan dengan lancar dalam situasi yang penuh dengan ketidakpastian akibat daripada wabak Covid-19, mod *remote learning* akan digunakan menggantikan mod bersemuka.

Satu garis panduan mengenai pelaksanaan mod *remote learning* adalah penting dan ianya melibatkan 1) tanggungjawab pensyarah, 2) kaedah penyampaian pengajaran dan 3) kaedah pentaksiran.

3.1 TANGGUNGJAWAB PENSYARAH

- 3.1.1 Pensyarah perlu menyemak dan mereka bentuk semula Rancangan Pengajaran (*Scheme of Work*) yang berbaki untuk semester ini dalam setiap silibus kursus untuk disesuaikan dengan perubahan kalendar yang ditetapkan.
- 3.1.2 Pensyarah perlu menghubungi pelajar masing-masing dengan kaedah yang sesuai untuk mendapat maklumat mengenai tahap capaian internet untuk melaksanakan pembelajaran online dan memaklumkan dapatan tersebut kepada pengurusan UUM.
- 3.1.3 Pensyarah perlu menyediakan bahan pengajaran OL yang terdiri daripada:

- a) Bahan Pengajaran
 - b) Bahan Aktiviti/Kolaborasi, dan
 - c) Bahan Pentaksiran (samada Sumatif atau Formatif) mengikut kesesuaian berdasarkan kesediaan pelajar dan infra/infstruktur OL/*Remote Learning* pelajar.
- 3.1.4 Pensyarah perlu menentukan kaedah pentaksiran peperiksaan akhir mengikut kesesuaian silibus dan keadaan capaian internet pelajar masing-masing.
- 3.1.5 Pensyarah perlu menentukan kaedah pentaksiran Peperiksaan Akhir kepada kaedah pentaksiran yang lain seperti projek, *Take Home Exam* dan seumpamanya dengan menyediakan soalan pentaksiran yang baharu.
- 3.1.6 Pensyarah perlu mengemas kini (*upload*) semua bahan pengajaran OL di dalam platform LMS UUM *Online Learning* dan aplikasi yang lain seperti Web 2.0 dan seumpamanya untuk rujukan pelajar.
- 3.1.7 Sekiranya pelajar tidak dapat akses internet dengan sempurna maka pensyarah dikehendaki menyediakan bahan PdP bersesuaian dengan cara *remote learning* iaitu pensyarah perlu memberi nota dan soalan yang dibantu, pentaksiran secara alternatif seperti projek dan seumpamanya bagi memastikan pelajar dapat melaksanakan PdP secara offline.
- 3.1.8 Pensyarah juga hendaklah memastikan semua bahan pengajaran dan bahan pentaksiran yang dibangunkan hendaklah selari dengan Hasil Pembelajaran Program, Hasil Pembelajaran Kursus dan Tahap Pembelajaran sepertimana ditetapkan dalam silibus kursus.
- 3.1.9 Seajar dengan garis panduan MQA, pensyarah boleh menyediakan pengubahsuaian dan perubahan terhadap pembelajaran dan pentaksiran pelajar yang memenuhi sekurang-kurangnya 70% hingga 80% keperluan SLT bagi sesuatu kursus.
- 3.1.10 Pensyarah hendaklah menjalankan OL (*synchronous*) hanya dalam waktu kuliah yang telah ditetapkan dan tidak mengambil waktu kursus pensyarah yang lain.
- 3.1.11 Sekiranya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih berkuat kuasa sewaktu proses PdP berjalan, pensyarah tidak dibenarkan memberi tugas/projek yang memerlukan pergerakan keluar pelajar. Pensyarah juga tidak digalakkan untuk memberi tugas/projek sedemikian sepanjang semester ini.
- 3.1.12 Pensyarah hendaklah bersedia untuk menghadiri kursus/bengkel anjuran UUM atau luar UUM terutamanya kaedah pengajaran OL/*remote learning* bagi memastikan kemahiran pengajaran OL/*remote learning* dapat diimplementasi oleh pensyarah.


3.1.13 Pensyarah disarankan untuk merujuk laman web **Utlchelpdesk.tlgateway.edu.my** bagi mendapatkan sumber maklumat yang berkaitan PdP sepanjang tempoh COVID-19 seperti pekeliling, garis panduan, kenyataan media, bahan PdP (teks, audio, video), jadual bengkel/latihan PdP dan FAQs.

3.2 KAEDAH PENYAMPAIAN PENGAJARAN

3.2.1 Pensyarah dicadangkan menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar dengan menggerakkan peranan pelajar supaya lebih aktif dan tidak menunggu bahan pengajaran daripada pensyarah.

3.2.2 Pensyarah juga boleh menggunakan kaedah *direct instruction* dan menggunakan kaedah *Flipped* serta pembelajaran teradun (*Blended Learning*).

3.2.3 Pensyarah boleh melaksanakan kaedah pengajaran OL secara segerak (*synchronous*) dan tidak segerak (*asynchronous*) dengan merujuk kepada rajah di bawah.



3.2.4 Pensyarah dikehendaki memilih teknologi yang sesuai untuk menyokong PdP yang berlaku dalam talian.

3.2.5 Pensyarah perlu mendokumentasi sesi pembelajaran dan pentaksiran dengan menggunakan platform LMS (UUM OL) atau platform dan aplikasi yang lain.

3.3 PENTAKSIRAN PEMBELAJARAN

3.3.1 Pensyarah perlu memastikan semua pentaksiran yang dilaksanakan tidak menjejaskan pencapaian hasil pembelajaran program dan hasil

pembelajaran kursus dengan mengambil kira bentuk, bilangan, tempoh, pemberat dan kaedah pelaksanaan pentaksiran.

- 3.3.2 Bagi pelajar yang dapat membuat capaian internet dengan baik, pentaksiran boleh dilaksanakan secara dalam talian. Pentaksiran menggunakan Web 2.0 boleh digunakan untuk pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif.
- 3.3.3 Bagi pelajar yang mendapat capaian internet yang kurang stabil, pentaksiran boleh dibuat secara *Take Home* atau projek yang dihantar melalui *Turnitin* dengan menggunakan platform UUM *Online Learning*. Pentaksiran OL yang menggunakan Web 2.0 yang sesuai dengan capaian internet atau seumpamanya juga boleh dibuat secara pentaksiran formatif sahaja.
- 3.3.4 Bagi pelajar yang tidak mendapat capaian internet langsung, pelajar perlu diberi pentaksiran secara projek yang perlu dilaksanakan dengan laporan bertulis yang diposkan. Pentaksiran formatif juga boleh dibuat dengan menggunakan media sosial atau SMS.
- 3.3.5 Tahap pentaksiran bagi perkara 3.3.2, 3.3.3 dan 3.3.4 di atas mestilah setara dari segi hasil pembelajaran kursus walaupun kaedah pentaksiran yang berbeza daripada amalan biasa bagi memastikan pentaksiran setiap kursus terjamin.

Sebarang maklumat atau pertanyaan lanjut, sila hubungi:

1. **Prof. Dr. Abdul Malek Abdul Karim**
Pengarah UUMIT
04-928 3020 @ 019-475 6310
2. **Prof. Madya Dr. Muhamad Shahbani Abu Bakar**
Pengarah Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti
04-928 4700 @ 013-489 9301
3. **Puan Azian Nafiah**
Pengarah Jabatan Hal Ehwal Akademik
04-928 3303 @ 019-474 0177

ATAU

4. Rujuk pautan link UTLC helpdesk di (utlchelpdesk.tlgateway.edu.my)

PROF. DR. YUSNIDAH IBRAHIM
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Utara Malaysia

31 MAC 2020